

**Corak Pengurusan Organisasi Dalam Novel Anugerah Karya  
Zaharah Nawawi**

*The Pattern of Organizational Management in Zaharah Nawawi's  
Novel Anugerah*

*Mohamad Murad Mahyudin Muheji*  
*mudin00@yahoo.com*

*Azhar Wahid*  
*azhar@fbk.upsi.edu.my*

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi*  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia*

Received: 25 November 2024; Published: 18 June 2025

Cite this article (APA) as:

Mahyudin, M. M., & Haji Wahid, A. (2025). Corak Pengurusan Organisasi Dalam Novel Anugerah Karya Zaharah Nawawi, *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 13(1), 18 - 32.

Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/196>

**ABSTRAK**

Novel merupakan hasil karya sastra kreatif yang terlahir daripada idea, pemerhatian, serta penaksiran penulis terhadap realiti kehidupan masyarakat. Ia mengandungi jalan penceritaan yang mencerminkan pelbagai aspek, termasuk kebudayaan, adat, nilai, sistem sosial, falsafah, dan kritikan sosial, sekali gus berfungsi sebagai medium didaktik kepada khalayak pembaca. Berdasarkan sorotan kajian terdahulu, didapati bahawa aspek corak pengurusan organisasi dalam novel Anugerah karya Zaharah Nawawi masih belum dikaji secara mendalam. Kajian-kajian sebelum ini lebih menumpukan kepada nilai Islam, keindahan, dan kemasyarakatan melalui pemikiran penulis, selain aspek perundangan serta nilai kemanusiaan. Namun, kajian ini memberi fokus yang lebih khusus kepada corak pengurusan organisasi, sekali gus mengisi kelompangan yang wujud dalam kajian sastra sebelumnya. Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis corak pengurusan organisasi dalam novel Anugerah karya Zaharah Nawawi. Novel ini, yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1996, dijadikan bahan utama dalam analisis data. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kepustakaan dan kajian teks sebagai metodologi utama. Selain itu, Teori Pengurusan Henry Fayol (1916) diaplikasikan sebagai asas deduktif dalam membina analisis yang relevan. Hasil kajian membuktikan bahawa corak pengurusan organisasi dalam novel ini disusun secara sistematik, mudah difahami, serta mengarah kepada nilai-nilai positif dalam urusan pentadbiran. Hal ini menonjolkan kepentingan elemen pengurusan dalam karya sastra sebagai cerminan realiti sosial.

Kata kunci: Novel, Corak Pengurusan Organisasi, Teori Henry Fayol, Pentadbiran

**ABSTRACT**

*A novel is a creative literary work born from ideas, observations, and the writer's assessment of the reality of community life. It contains a narrative path that reflects various aspects, including culture, customs, values, social systems, philosophy, and social criticism, thus serving as a didactic medium for the readership. Based on the highlights of previous studies,*

*it was found that aspects of organizational management patterns in Zaharah Nawawi's Anugerah novel have not yet been studied in depth. Previous studies have focused more on Islamic values, beauty, and society through the writer's thoughts, in addition to legal aspects and humanitarian values. However, this study gives a more specific focus to organizational management patterns, thus filling the gaps that exist in previous literature studies. This study aims to identify and analyze organizational management patterns in the novel Anugerah by Zaharah Nawawi. This novel, published by Dewan Bahasa dan Pustaka in 1996, was used as the main material in the data analysis. This study uses a qualitative approach with bibliography and text study as the main methodology. In addition, Henry Fayol's Management Theory (1916) is applied as a deductive basis in building a relevant analysis. The results of the study prove that the organizational management pattern in this novel is organized systematically, easy to understand, and leads to positive values in administrative matters. This highlights the importance of management elements in literary works as a reflection of social reality.*

*Keywords: Novel, Organizational Management Patterns, Henry Fayol's Theory, Administration*

## **PENGENALAN**

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, bidang sastera memainkan peranan penting sebagai wahana ilmu dan pemangkin pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat. Karya-karya sastera bukan sahaja berfungsi sebagai medium penyampaian ilmu malah turut mencerminkan keindahan budaya, adat resam, kepercayaan, kesenian serta perkembangan bahasa dan politik sesuatu bangsa. Keunikan sastera terletak pada penggunaan bahasa yang indah, gaya penulisan yang berkesan serta penyampaian mesej yang mendalam melalui metafora dan simbolisme. Selain itu, elemen emosi seperti kegembiraan, kesedihan, kekecewaan dan kehibaan yang diungkapkan dalam karya sastera bukan sekadar menyentuh perasaan pembaca malah berperanan sebagai refleksi realiti kehidupan sekali gus menanamkan nilai estetika dan moral dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, sastera ternyata merupakan sesuatu penyampaian yang merangkumi susunan kata-kata, ayat-ayat, frasa-frasa yang gramatis untuk dijadikan sebagai bahan bacaan dan dapat memberi kesan-kesan positif kepada khalayak pembaca, (Hashim Awang, 1987).

Di samping itu, karya-karya sastera turut dipengaruhi oleh keindahan nilai estetikanya yang tinggi kerana frasa-frasa yang digunakan dalam sesuatu penulisan turut diteliti secara mendalam sebelum ia dijadikan sebagai sebuah karya kreatif, (Arief Budiman, 2011). Karya sastera merupakan ekspresi kreatif yang sarat dengan nilai estetika, budaya, dan intelektual. Melalui bahasa yang indah dan bermakna, ia bukan sekadar hiburan, tetapi juga medium untuk menyampaikan mesej tentang kehidupan, kemanusiaan dan kebudayaan. Selain mencerminkan jiwa pengarang, karya sastera mengandungi nilai pembelajaran yang mendorong pemikiran kritis serta apresiasi terhadap keindahan dan kompleksiti kehidupan. Oleh itu, sastera berperanan sebagai alat pendidikan dan pembinaan jiwa, menyampaikan mesej yang mendalam serta memberi kesan kepada khalayak pembaca. Rentetan itu, novel juga merupakan salah satu genre sastera yang menggunakan bahasa yang indah serta mengangkat kisah kehidupan masyarakat. Ia menggambarkan nilai kepercayaan, amalan murni, keunikan agama, dialek budaya, kesenian dan aspek kehidupan lain yang mencerminkan keindahan sosiobudaya sesuatu masyarakat.

Pada waktu yang sama, novel merupakan sesuatu pemaparan kisah yang terhasil daripada gambaran kreatif seperti tulisan dan ia dihasilkan dengan menengahkan aspek-aspek penceritaan seperti tema, watak dan perwatakan, emosi, latar tempat, latar masyarakat, latar masa, nilai pengajaran dan sebagainya, (Mohd Firdaus Che Yaacob & Norsuhaida Ismail, 2021). Di samping itu, novel turut dihasilkan dibina secara bebas tanpa terikat dengan format seperti rima akhir seperti yang terpakai pada syair, pantun dan sajak. Tambahan lagi, hasil pemikiran dan idea, novel dihasilkan berasaskan kepada isu-isu yang diilhamkan

daripada soal kehidupan sesuatu masyarakat dalam realiti sebenar. Isu-isu tersebut dikumpul menjadi satu susunan bahasa yang indah sehingga terwujudnya sebuah jalan cerita yang mantap, (Ramli Isin, 2003). Selain itu, novel juga karya yang memaparkan kisah-kisah yang benar-benar berlaku dalam kehidupan masyarakat dan melibatkan isu-isu konflik serta ia menimbulkan ransangan emosi seperti sedih, hiba, gelisah dan takut kepada khalayak pembaca, (Nurgiyantoro, 1995). Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa novel merupakan karya sastera yang mengandungi kebijaksanaan idea dan falsafah penulis sebagai medium penyampaian ilmu. Melalui kisah-kisah masyarakat, ia menggabungkan pelbagai aspek seperti tema, persoalan, pengajaran, latar, konflik, serta sistem sosial dan organisasi, menjadikannya wadah refleksi kehidupan. Menerusi penghasilan karya sastera seperti novel turut mengandungi aspek pengurusan corak organisasi sebagai medium penyampaian ilmu kepada khalayak pembaca. Hal ini, kerana aspek corak pengurusan organisasi merupakan satu kumpulan yang terdiri dan dianggotai oleh individu atau komuniti yang saling bekerjasama di antara satu sama lain untuk mencapai matlamat dalam sesebuah organisasi. Oleh itu, aspek corak pengurusan organisasi dalam novel masih belum dikaji secara komprehensif oleh para pengkaji. Sesungguhnya, menerusi perbincangan terhadap aspek corak pengurusan organisasi adalah dapat menggambarkan tatacara dan panduan dalam bidang pengurusan untuk mencapai matlamat sesebuah organisasi agar lebih sistematik dengan amalan nilai-nilai yang berlandaskan syariat agama. Justeru, kertas kerja ini dihasilkan untuk merungkai aspek corak pengurusan organisasi yang terkandung dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi dan ia sewajarnya dijalankan agar dapat dijadikan nilai tambah dalam dunia pengkajian sastera.

## **SOROTAN LITERATUR**

Kajian yang telah dijalankan oleh Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019) yang bertajuk *Pendidikan Anak-anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda*. Kajian ini membahaskan tentang bahan pendidikan kanak-kanak yang menggunakan sumber daripada al-Quran iaitu *Surah Luqman*. Seperti yang umum tahu bahawa surah ini sememangnya mengandungi pesanan-pesanan murni Luqman kepada anak-anaknya. Rentetan itu, pengkaji ingin mengkaji secara lebih mendalam mengenai surah ini dalam konteks pendidikan kepada kanak-kanak. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis aspek amanat yang terkandung dalam *Surah Luqman* demi mendidik kanak-kanak menjadi lebih baik. Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif seperti kaedah kepustakaan dan kajian teks. Di samping itu, teori Pengkaedahan Melayu dijadikan sebagai deduktif kajian. Justeru, hasil kajian mendapati bahawa amanat yang terkandung dalam *Surah Luqman* ini sememangnya berpotensi untuk dijadikan medium pendidikan kepada kanak-kanak.

Kajian seterusnya dijalankan oleh Hazwany *et. al* (2019), yang bertajuk *Pemikiran Dalam Novel Siber Kasih Damia Dari Aspek Teori Estetika Bersepadu*. Kajian ini memfokuskan terhadap aspek pemikiran dalam novel yang membincangkan mengenai keindahan diterapkan ke dalam karya ini melalui pemikiran pengarang untuk tatapan pembaca. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menerapkan tema dan persoalan yang melibatkan nilai kemanusiaan. Hal ini kerana, umum mengetahui bahawa konsep kemanusiaan sentiasa cenderung ke arah kebaikan. Tambahan lagi, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif seperti kaedah kepustakaan dan analisis teks serta teori Estetika Bersepadu dijadikan sebagai deduktif kajian agar dapat menghasilkan perbincangan yang mapan. Justeru, hasil kajian dapat membuktikan bahawa amalan nilai kemanusiaan dapat memberi kesan yang positif kepada manusia.

Selain daripada itu, Mohd Firdaus Che Yaacob & Norsuhaida Ismail (2020) telah menjalankan kajian yang berjudul *Aspek Perundangan Islam Dalam Novel Nisah Haron*. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis aspek perundangan Islam yang terkandung dalam novel *Nisah Haron*. Di samping itu, kajian ini membataskan dua buah novel yang bertajuk *Mencari Locus Standi* dan *Lentera Mustika* karya Nisah Haron bagi menganalisis aspek perundangan Islam. Selain itu, kajian ini bersifat kualitatif dan

berpaksikan terhadap kaedah kepustakaan dan teks serta teori tidak digunakan dalam kajian ini. Hal ini, kerana kajian ini lebih memberi penekanan terhadap analisis aspek perundangan Islam dan berkait rapat dengan syariat agama Islam sebagai paksi pembetulan moral yang baik dalam kalangan manusia. Justeru, hasil kajian ini telah membuktikan bahawa manusia sewajarnya menerapkan amalan-amalan mulia di setiap perancangan dalam sistem perundangan demi memastikan keharmonian dan kemakmuran sistem perundangan di Malaysia serta lambang kemuliaan dalam kalangan manusia yang beragama Islam.

Seterusnya, Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) telah menjalankan kajian yang bertajuk *Analisis Aspek Kemasyarakatan Melalui Pemikiran A. Samad Said dalam novel Daerah Zeni dan Hujan Pagi*. Kajian ini memberi penekanan terhadap aspek kemasyarakatan secara komprehensif dalam bidang penyelidikan sastera, khususnya novel. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis aspek kemasyarakatan yang terkandung dalam novel *Daerah Zeni* dan *Hujan Pagi* karya A. Samad Said. Seterusnya, kajian ini menggunakan reka bentuk kajian yang bersifat kualitatif iaitu melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Di samping itu, teori pengkaedahan Melayu dijadikan sebagai deduktif kajian untuk menghasilkan perbincangan yang lebih komprehensif. Pendekatan kualitatif dengan kaedah kepustakaan dan kajian teks digunakan dalam kajian ini. Justeru, kajian ini telah membuktikan bahawa aspek kemasyarakatan yang terkandung dalam kedua-dua novel karya A. Samad Said ini sememangnya dapat memberi pendedahan kepada khalayak pembaca untuk mengambil iktibar dengan melakukan perkara-perkara yang dapat membawa kebaikan.

Selain dari itu, kajian oleh Mastura Othman (2022) yang melibatkan nilai-nilai kemanusiaan dalam novel *Srengenge* karya Shahnnon Ahmad. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan dalam novel *Srengenge* karya Shahnnon Ahmad. Tambahan lagi, kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan kajian teks. Seterusnya, kajian ini mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu bagi menghasilkan analisis kajian yang mantap. Justeru, dapatan kajian telah membuktikan bahawa nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam novel *Srengenge* karya Shahnnon Ahmad dapat mendidik khalayak supaya lebih mengamalkan nilai-nilai kemanusiaan dalam kehidupan seharian.

Selanjutnya, kajian yang bertajuk *Pengurusan Identiti Bangsa Dalam Trilogi Karya Hamka: Suatu Pengenalan* oleh Fathin Noor Ain Ramli & Azhar Wahid (2019). Kajian ini menengahkan isu identiti sesebuah bangsa melalui karya sastera yang ditulis oleh Hamka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis pengurusan identiti bangsa dalam *trilogi* karya Hamka. Seterusnya, kajian ini bersifat kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan teks. Di samping itu, teori Henry Fayol pada tahun 1916 dijadikan sebagai deduktif kajian agar lebih komprehensif. Justeru, hasil dapatan kajian telah membuktikan bahawa aspek pengurusan identiti bangsa dalam karya Hamka merupakan tunjang kepada pembentukan jati diri masyarakat Melayu yang hebat.

Kajian seterusnya bertajuk *Prinsip Teori Organisasi Klasik menurut Henry Fayol* oleh Supriyadi, Siti Alfina Febriyani & Siti Nur Anisa (2023). Kajian ini berkisarkan tentang Teori Organisasi Klasik memberi pencerahan tentang pengurusan yang terbaik adalah bergantung kepada fungsi setiap ahli dalam sesebuah organisasi dan sepatutnya memiliki peranan masing-masing secara efektif. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis fungsi dan prinsip yang terkandung dalam Teori Organisasi Klasik menurut Henry Fayol secara lebih terperinci. Seterusnya, kajian ini bersifat kualitatif dan ia merangkumi kaedah kepustakaan dan teks. Justeru, hasil kajian ini telah membuktikan bahawa Henry Fayol menegaskan bahawa Teori Organisasi Klasik ini memiliki prinsip yang fleksibel dan sangat penting diamalkan dalam segala pengurusan pentadbiran agar lebih sistematik.

Oleh hal yang demikian, sorotan kajian lepas yang telah diteliti ini telah menghasilkan idea dan ilham baharu untuk melaksanakan kajian ini. Hal ini, kerana setiap aspek yang dikaji dalam kajian lepas telah memberi persoalan dan permasalahan yang lain untuk dikaji. Oleh itu, kajian mengenai corak pengurusan organisasi dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi sewajarnya dilaksanakan bagi memberi nilai tambah kepada dunia sastera.

Sesungguhnya, aspek corak pengurusan organisasi juga merupakan tunjang kepada nilai tambah dalam bidang sastera, khususnya genre novel dan aspek ini dilihat sebagai salah satu anjakan paradigma demi memastikan bidang sastera sentiasa kekal relevan serta unik.

### **PERNYATAAN MASALAH**

Penyataan masalah wujud setelah penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang telah dikenal pasti dalam kajian ini. Hal ini merujuk terhadap kajian-kajian lepas yang bertajuk seperti *Pendidikan Anak-anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda* oleh Nadia Binti Ishak & Kamariah Kamarudin (2019). Seterusnya, penelitian turut dilakukan terhadap kajian yang dilaksanakan oleh Hazwany *et. al* yang bertajuk *Pemikiran Dalam Novel Siber Kasih Damia Dari Aspek Teori Estetika Bersepadu* juga pada tahun (2019). Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob & Norsuhaida Ismail pada tahun (2020) telah melaksanakan kajian yang berlandaskan terhadap *Aspek Perundangan Islam Dalam Novel Nisah Haron*. Selain itu juga, kajian ini turut meneliti kajian lepas yang bertajuk *Analisis Aspek Kemasyarakatan Melalui Pemikiran A. Samad Said dalam novel Daerah Zeni Dan Hujan Pagi* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, pada tahun (2021). Di samping itu, kajian oleh Mastura Othman pada tahun (2022) yang bertajuk *Nilai-nilai Kemanusiaan Dalam Novel Srengenge karya Shahnnon Ahmad* turut diteliti. Sehubungan itu, kajian-kajian yang lepas telah membuktikan bahawa terdapat ruang untuk mengisi kelompangan kajian ini.

Sesungguhnya, kajian-kajian yang lepas telah mencetuskan isu perbincangan berkenaan dengan nilai-nilai Islam, pemikiran penulis, perundangan Islam, kemasyarakatan dan nilai-nilai kemanusiaan. Oleh hal yang demikian, *kajian* ini adalah bertujuan untuk mempamerkan corak pengurusan organisasi yang terkandung dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi. Hal ini, kerana kajian ini dilaksanakan untuk memberi pencerahan dan pengetahuan kepada khalayak pembaca mengenai aspek tersebut. Namun begitu, kajian ini juga turut mendapati bahawa corak pengurusan organisasi dalam genre novel masih kurang dititikberatkan oleh para pengkaji yang lepas. Di samping itu, pengaplikasian Teori Pengurusan Henry Fayol pada tahun 1916 juga masih belum dijalankan secara holistik. Hal ini kerana, teori ini banyak digunapakai dalam kajian bidang sains dan pengurusan. Namun demikian, teori ini juga mampu diaplikasi dalam kajian sastera. Justeru, sebuah kajian bersifat akademik yang memfokuskan corak pengurusan organisasi harus dijalankan agar dapat memberi pencerahan kepada khalayak. Oleh hal yang demikian, penggunaan novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi merupakan satu perkara yang baharu dalam kajian sastera. Tuntasnya, kajian ini diharapkan dapat memberi ilmu yang baharu kepada khalayak dan dapat dijadikan rujukan pada masa hadapan sama ada kepada pengkaji mahupun masyarakat umum.

### **BATASAN KAJIAN**

Kajian yang dijalankan terbatas kepada aspek corak pengurusan organisasi yang terdapat dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi dengan merujuk kepada cetakan kali pertama, pada tahun 1996. Selain itu, novel *Anugerah* ini mengandungi 1351 halaman bercetak dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Dalam pada itu, kajian ini membatasi Teori Pengurusan Henry Fayol (1916) sebagai deduktif kajian ini agar dapat memantapkan lagi huraian analisis. Terdapat empat belas (14) prinsip yang terkandung dalam teori ini dan kajian ini hanya menggunakan lima (5) prinsip sahaja untuk diaplikasi dengan aspek corak pengurusan organisasi. Antara empat belas (14) prinsip yang digariskan seperti Pembahagian Kerja, Autoriti dan Tanggungjawab, Disiplin, Perpaduan Perintah, Perpaduan Hala Tuju, Penubuhan Kepentingan Individu kepada Kebaikan Bersama, Ganjaran, Pemusatan, Rangkaian Skalar, Tertib, Ekuiti, Kestabilan Tempoh Kakitangan, Inisiatif dan *Espirit de Corps* (Semangat Pasukan). Namun demikian, kajian ini menggunakan lima (5) prinsip seperti kepentingan individu kepada kebaikan bersama, perpaduan hala tuju, autoriti dan tanggungjawab, ekuiti dan kestabilan tempoh kakitangan.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif, iaitu melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Oleh itu, kaedah kepustakaan merujuk kepada kaedah yang digunakan oleh seseorang pengkaji atau penyelidik untuk mendapatkan data atau maklumat daripada bahan-bahan atau dokumen yang sedia ada. A. Halim Ali (2019) menyebutkan kaedah kepustakaan lazimnya menggunakan sumber data yang sedia ada seperti dokumen bercetak, teks, buku, jurnal dan lain-lain. Pengkaji telah berkunjung ke Perpustakaan Raja Tun Uda di Shah Alam dan di Perpustakaan Tengku Bainun UPSI di Tanjung Malim dengan tujuan untuk mengumpul seberapa banyak bahan dan sumber rujukan mengenai kajian novel dan Teori Pengurusan Henry Fayol pada tahun (1916). Selain itu, kaedah teks pula merujuk terhadap pembacaan dan penelitian ke atas novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi pada tahun 1996 untuk cetakan pertama.

Di samping itu, Teori Pengurusan Henry Fayol pada tahun (1916) dijadikan sebagai deduktif kajian Teori Pengurusan Henry Fayol pada tahun (1916) merupakan salah satu teori pengurusan klasik yang dikembangkan oleh seorang pengusaha dan ahli pengurusan asal Perancis yang bernama Henry Fayol. Sehubungan itu, Henry Fayol telah diberikan gelaran *Bapa Pemikiran Pengurusan* (Koontz & Wehrich, 2010) kerana sumbangannya sebagai pelopor teori pengurusan. Teori Pengurusan Henry Fayol pada tahun (1916) bukan sahaja digunakan dalam bidang perniagaan dan ekonomi, bahkan turut diguna pakai dalam bidang pendidikan. Menerusi teori ini, Henry Fayol telah menggariskan empat belas prinsip iaitu teori ini dikenal sebagai teori proses pentadbiran dan menekankan pentingnya fungsi pengurusan dalam organisasi.

Teori Pengurusan Henry Fayol pada tahun (1916) masih banyak dipelajari dan diterapkan dalam organisasi masa kini kerana dianggap sebagai dasar konsep pengurusan moden. Namun, teori ini juga mendapat kritikan dari beberapa ahli pengurusan yang berpendapat bahawa teori ini terlalu fokus pada struktur formal organisasi dan mengabaikan peranan faktor manusia dalam organisasi. Terdapat empat belas (14) prinsip dalam teori ini yang digariskan adalah Pembahagian Kerja, Autoriti dan Tanggungjawab, Disiplin, Perpaduan Perintah, Perpaduan Hala Tuju, Penubuhan Kepentingan Individu kepada Kebaikan Bersama, Ganjaran, pemusatan, Rantaian Skalar, tertib, ekuiti, kestabilan tempoh kakitangan, inisiatif dan *esprit de corps* (Semangat Pasukan).

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Corak pengurusan organisasi dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi mempunyai pelbagai bentuk yang boleh dijadikan teladan kepada khalayak pembaca. Antaranya, adalah corak pengurusan organisasi melalui kepimpinan ketua atau pemimpin yang bertanggungjawab, semangat pemuafakatan dalam sesebuah organisasi, pemupukan sikap kejujuran dalam perancangan pentadbiran terhadap sesebuah organisasi, tindakan keberanian untuk menentukan proses pentadbiran dalam sesebuah organisasi melalui lisan dan bukan lisan dan amalan sikap kerajinan dengan melaksanakan segala sistem pengurusan yang dapat menjamin tahap pekerjaan yang sistematik.

Seterusnya, corak pengurusan organisasi yang terkandung dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi ialah melalui *kepimpinan ketua atau pemimpin yang bertanggungjawab*. Hal ini, kerana kepimpinan ketua atau pemimpin yang bertanggungjawab merupakan faktor penting untuk memastikan segala urusan pentadbiran dalam sesebuah organisasi dapat dilaksanakan dengan sistematik. Oleh itu, aspek corak pengurusan organisasi melalui ketua atau pemimpin yang bersikap bertanggungjawab merujuk kepada individu atau seseorang yang mempunyai kesanggupan untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan secara bersungguh-sungguh, bersemangat dan sistematik demi menghasilkan tugas dengan cemerlang, (Hashim Musa, 2010).

Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) telah menegaskan bahawa kepimpinan ketua atau pemimpin merupakan sikap bertanggungjawab yang mendasari

kepada individu atau seseorang yang sanggup melaksanakan tugas yang diberikan oleh pihak lain dengan cekap dan sistematik. Oleh hal yang demikian, berdasarkan pendapat para cendekiawan ini telah membuktikan bahawa corak pengurusan organisasi melalui kepimpinan ketua atau pemimpin yang bertanggungjawab ialah individu atau seseorang yang memimpin dalam sesebuah organisasi di tempat kerja dengan menitikberatkan keseluruhan pelaksanaan tugas dan usaha demi memastikan perkara ini dapat dilaksanakan dengan sistematik dan memperoleh kejayaan. Sehubungan itu, corak pengurusan organisasi yang terkandung dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi melalui kepimpinan ketua atau pemimpin yang bertanggungjawab dapat dibuktikan berdasarkan petikan 1 di bawah:

Petikan 1;

“Malah mereka tidak tahu pun yang pada malam itu, sewaktu mereka lena keletihan dan tidur nyenyak di atas katil, Dato’ Onn pula tidur dalam keadaan yang tidak selesa di dalam kereta api dalam perjalanan menuju ke Kuala Lumpur. Dato’ Onn terpaksa bertolak pada malam itu juga tanpa menghiraukan letih dan penat, kerana besoknya, selama empat hari, seramai 12 orang termasuk Dato’ Onn sendiri berserta seorang lain rakannya dari UMNO, empat wakil Raja-Raja Melayu dan enam orang wakil Kerajaan British, akan bersidang. Sidang penting bagi menentukan nasib sebuah negara.”

(Zaharah Nawawi,1995:193)

Penulis menggambarkan tentang corak pengurusan organisasi melalui kepimpinan ketua atau pemimpin yang bertanggungjawab. Hal ini dapat dibuktikan melalui sikap bertanggungjawab seorang ketua pemimpin yang berkaliber dalam menguruskan hal-hal yang berkaitan pentadbiran negara demi memastikan negara sentiasa berada dalam situasi aman dan damai serta melahirkan kehidupan rakyat yang harmoni. Misalannya, watak Dato’ Onn yang memiliki rasa tanggungjawab serta kesanggupan untuk memikul tugasnya sebagai seorang pemimpin. Hal ini demikian kerana, beliau sanggup mengorbankan waktu tidur dan menahan letih untuk menghadiri sidang yang akan menentukan nasib sesebuah negara iaitu negara kita Malaysia. Sehubungan itu, jasa dan pengorbanan Dato’ Onn dalam memperjuangkan kebebasan negara kita daripada cengkaman penjajah British sangat besar. Namun begitu, situasi ini jelas membuktikan bahawa Dato’ Onn memiliki sikap dan rasa bertanggungjawab demi membela maruah negara dan bangsa Melayu.

Sesungguhnya, kita seharusnya mencontohi corak pengurusan organisasi melalui kepimpinan yang bertanggungjawab oleh Dato’ Onn agar demi memperjuangkan hak dan maruah bangsa Melayu agar mewujudkan sebuah kehidupan yang makmur serta sejahtera. Di samping itu, aspek corak pengurusan organisasi melalui kepimpinan ketua atau pemimpin yang bertanggungjawab seharusnya sentiasa diterapkan ke dalam diri setiap manusia supaya tidak mengabaikan perkara penting yang harus diselesaikan sebagai seorang pemimpin. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa ketua pemimpin merupakan seseorang atau individu yang bertanggungjawab untuk menguruskan segala hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran dan memainkan peranan utama sebagai peneraju sesebuah organisasi demi memastikan haluan tuju syarikat dapat dilaksanakan secara sistematik.

Lanjutan daripada itu, corak pengurusan organisasi melalui kepimpinan ketua atau pemimpin yang bertanggungjawab merupakan sesuatu perkara yang patut diutamakan dalam usaha untuk memastikan segala hal-hal yang berkaitan dengan sistem pentadbiran agar dapat dilaksanakan dengan sistematik, (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Di samping itu, ketua pemimpin yang telah dilantik sewajarnya melaksanakan segala tugas dengan bertanggungjawab agar proses pengurusan sesebuah organisasi akan sentiasa cekap dan mapan, (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Sesungguhnya, sikap bertanggungjawab ketua pemimpin atau pemimpin adalah sangat penting untuk menentukan masa depan sesebuah organisasi dan dapat dibuktikan bahawa sikap mulia ini sewajarnya diamalkan untuk memastikan segala hal-hal pengurusan di dalam sesebuah organisasi dapat dijana secara konsisten dan sistematik.

Dalam pada itu, prinsip penubuhan kepentingan individu kepada kebaikan bersama yang terkandung dalam Teori Pengurusan Henry Fayol pada tahun 1916 merupakan tunjang yang selari dengan corak pengurusan organisasi melalui kepimpinan ketua atau pemimpin yang bertanggungjawab. Hal ini, kerana prinsip penubuhan kepentingan individu kepada kebaikan bersama merupakan sesuatu sistem pelaksanaan yang dapat dititikberatkan untuk memastikan kesemua ahli yang mendukung dalam carta organisasi politik lebih mengutamakan matlamat sesebuah organisasi berbanding memuliakan kepentingan peribadi mereka. Oleh itu, situasi ini dapat dibuktikan melalui kepimpinan ketua dan pemimpin yang bertanggungjawab ketika menguruskan hal-hal penting yang berkait rapat dengan sistem pentadbiran. Sebagai contohnya, Dato' Onn dibuktikan bahawa beliau merupakan ketua pemimpin yang berpengaruh dan berkaliber untuk memikul tanggungjawab yang besar dalam persidangan demi mendapatkan sesebuah kemerdekaan dan membela hak serta maruah bangsa Melayu. Oleh hal yang demikian, prinsip penubuhan kepentingan individu kepada kebaikan bersama telah membuktikan bahawa ketua pemimpin merupakan peneraju kepada masyarakat dan berperanan utama dalam menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan kebijakan masyarakat, agama, bangsa dan negara demi mewujudkan keamanan serta kesejahteraan di Tanah Melayu, khususnya di Malaysia tercinta.

Seterusnya, corak pengurusan organisasi yang terkandung dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi ialah melalui semangat pemuafakatan terhadap sesebuah organisasi. Hal ini, kerana semangat pemuafakatan sesama ahli dalam sesebuah pengurusan organisasi merupakan langkah penting untuk mewujudkan persidangan dan perbincangan agar dapat mencapai kata sepakat. Oleh itu, aspek corak pengurusan organisasi melalui *semangat pemuafakatan dalam sesebuah organisasi* merujuk kepada segala perbincangan yang terdiri daripada ahli-ahli pihak pengurusan tertinggi dalam sesebuah pengurusan organisasi tertentu atau turut terdiri sekelompok manusia yang sanggup melaksanakan sesuatu tugas secara bersama-sama demi menjaga kesejahteraan serta kebijakan dalam setiap anggota masyarakat, (Jumali Selamat, 2001).

Di samping itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) telah bersetuju dan menyokong pendapat Jumali Selamat (2001) yang menegaskan bahawa semangat pemuafakatan dalam sesebuah organisasi sudah pasti dilaksanakan dengan melibatkan sesuatu perbincangan secara terperinci demi mencapai sesuatu keputusan secara bersama-sama dalam kalangan setiap anggota sesebuah masyarakat. Oleh hal yang demikian, berdasarkan kepada pendapat-pendapat para ilmuan ini, maka dapat disimpulkan bahawa corak pengurusan organisasi melalui semangat pemuafakatan dalam sesebuah organisasi merupakan nilai dan semangat yang terhasil daripada keutuhan perpaduan yang terdiri daripada suara-suara masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa dalam sesuatu perbincangan, mesyuarat serta persidangan demi menggapai keputusan yang tepat.

Di samping itu, aspek corak pengurusan organisasi yang terkandung dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi ialah melalui semangat pemuafakatan terhadap sesebuah organisasi dapat digambarkan menerusi petikan di bawah:

Petikan 2:

“Tapi ramai ahli biasa lainnya datang sama. Tak kira daripada UMNO, PKMM apa saja, termasuk saya lihat, yang saya kenal beberapa orang ahli biasa Persatuan Melayu Johor. Hebat sungguh sambutan hari itu. Inilah kali pertama saya melihat ahli-ahli parti yang selama ini bercanggah pendapat berkumpul di bawah satu bumbung dan bermesra, sama-sama meneriakkan ‘merdeka.’ “

(Zaharah Nawawi, 1995, 364)

Penulis telah membuktikan kisah ini bertepatan dengan aspek corak pengurusan organisasi yang terkandung dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi ialah melalui semangat pemuafakatan terhadap sesebuah organisasi. Hal ini, digambarkan melalui watak dan perwatakan dalam kalangan ahli-ahli UMNO dan PKMM dalam sesebuah sistem

pentadbiran. Tamsilnya, ahli-ahli UMNO dan PKMM telah bersepakat untuk berkumpul bersama-sama dalam satu persidangan yang penting untuk membincangkan tentang hal-hal yang berkaitan dengan negara dan masyarakat di Tanah Melayu. Sesungguhnya, persidangan ini amat penting untuk memastikan masyarakat di Tanah Melayu dapat menjalani sebuah kehidupan dengan aman dan damai tanpa cengkaman keganasan pihak asing. Oleh itu, perbincangan antara ahli-ahli UMNO dan PKMM ini telah membuktikan bahawa mereka telah bersejua dan bersatu hati untuk mencetuskan idea-idea bernas untuk merancang strategi secara sistematik agar keputusan dapat dicapai dengan tepat. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa corak pengurusan organisasi melalui semangat pemuafakatan dalam sesebuah organisasi merupakan tunjang kepada kemakmuran dan keharmonian terhadap sistem pentadbiran dalam sesebuah pengurusan organisasi serta suatu tindakan yang dapat memberi kelancaran kepada keseluruhan hal-hal yang berkaitan dengan kebaikan bersama.

Lanjutan daripada itu, bertepatan dengan aspek corak pengurusan organisasi yang terkandung dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi ialah melalui semangat pemuafakatan terhadap sesebuah organisasi merupakan sesuatu tindakan yang dilaksanakan melalui perbincangan secara ahli-ahli di dalam sesebuah organisasi untuk menentukan hala tuju sesebuah syarikat. Oleh itu, aspek corak pengurusan melalui semangat pemuafakatan ini berlandaskan terhadap perkara yang dilakukan secara bersama-sama dalam sesuatu mesyuarat dan perbincangan serta ahli-ahli tersebut bersatu hati untuk mencapai keputusan yang tepat, (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Selain itu, semangat pemuafakatan turut dirungkaikan sebagai pemuafakatan yang dapat dicapai melalui suatu perbincangan, rundingan dan musyawarah bertujuan mencapai kata sepakat dalam menyelesaikan sesuatu masalah, (Hashim Musa, 2010).

Oleh hal yang demikian, berdasarkan terhadap kenyataan yang datangnya daripada pendapat Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) dan Hashim Musa (2010) adalah dapat dibuktikan bahawa aspek corak pengurusan organisasi yang terkandung dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi ialah melalui semangat pemuafakatan dalam sesebuah organisasi dapat dirumuskan sebagai segala aktiviti yang dibincangkan secara bersama-sama di dalam sesebuah mesyuarat, perbincangan dan persidangan untuk memperoleh keputusan secara sebulat suara serta mendapat kebaikan bersama-sama dalam kalangan ahli-ahli mesyuarat. Sesungguhnya, semangat pemuafakatan yang dipupuk secara telus di dalam sesebuah pengurusan dapat melahirkan ahli-ahli yang berintergriti dan berkaliber demi kepentingan mereka dan masyarakat .

Dalam pada itu, prinsip perpaduan hala tuju yang terkandung dalam Teori Pengurusan Henry Fayol pada tahun (1916) merupakan tunjang yang selari dengan corak pengurusan organisasi bertepatan dengan aspek corak pengurusan organisasi yang melalui semangat pemuafakatan dalam sesebuah organisasi. Hal ini, kerana prinsip perpaduan hala tuju lebih menitikberatkan terhadap segala tindakan yang dapat memberi kebaikan dan kepentingan kepada sesebuah organisasi untuk mencapai matlamat agar sesebuah pentadbiran dapat melahirkan pengurusan yang sistematik. Oleh itu, merujuk kepada sesuatu pengurusan dalam bidang politik, khususnya ia merupakan perkara yang sangat penting dan bermakna untuk memastikan ahli-ahli di dalam sesebuah organisasi dapat melaksanakan segala aktiviti pengurusan dan pentadbiran secara bermatlamat, sejajar dengan misi serta visi di dalam sesebuah perancangan pengurusan yang cekap.

Di samping itu, dalam sesebuah corak pengurusan organisasi yang merujuk kepada hala tuju sesebuah bidang politik adalah sememangnya memiliki garis panduan dan menyokong terhadap misi dan visi yang jelas. Maka, aspek corak pengurusan melalui aspek pemuafakatan ini dapat mencapai matlamat dan nilai-nilainya dengan telus dalam kalangan ahli-ahli politik. Sebagai contohnya, walaupun ahli-ahli dalam kalangan pertubuhan UMNO dan PKMM digambarkan bercanggah pendapat dalam usaha untuk menentukan sesuatu keputusan, namun mereka sentiasa menitikberatkan nilai perpaduan untuk menjamin keharmonian serta nilai-nilai murni sebeginilah yang menjamin kestabilan politik UMNO dan PKMM. Di samping itu, pertubuhan UMNO dan PKMM juga mempunyai prinsip perjuangan

yang sama, iaitu memperjuangkan hak, maruah dan menyelamatkan Tanah Melayu daripada penjajah durjana demi memastikan masyarakat dapat meneruskan kehidupan dengan sentosa. Dalam konteks ini, jelas telah membuktikan bahawa prinsip perpaduan hala tuju yang terkandung dalam Teori Pengurusan Henry Fayol pada tahun (1916) adalah asas terhadap aspek corak pengurusan yang sistematik untuk mencapai kata sepakat dalam kalangan ahli-ahli di peringkat pengurusan agar kesemua hal-hal yang berkaitan dengan bidang politik akan kekal cemerlang, gemilang dan terbilang.

Selain itu, corak pengurusan organisasi yang terkandung dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi turut dibuktikan melalui *pemupukan sikap kejujuran terhadap perancangan pentadbiran di sesebuah organisasi*. Oleh itu, sikap kejujuran merupakan perlakuan yang dapat digambarkan melalui perlakuan ikhlas hati manusia dan sentiasa melakukan segala perkara tanpa berselindung dengan niat yang tidak baik serta rela hati, (Jumali Selamat, 2001). Hal ini, jelas memperlihatkan tentang sikap manusia yang memiliki hati yang ikhlas untuk melakukan segala pekerjaan tanpa mengharapkan pujian daripada pihak lain. Selain itu, sikap kejujuran ini turut digambarkan melalui perbuatan manusia yang tulus dan ikhlas untuk melakukan sesuatu perkara tanpa menyembunyikan sebarang agenda daripada pihak lain, (*Kamus Dewan*, 2016). Di samping itu, manusia yang memiliki sikap kejujuran ini bersangkut paut dengan segala perlakuan atau perbuatan dengan melakukan kebaikan untuk mendapat manfaat kepada dirinya dan orang disekeliling mereka.

Sesungguhnya, manusia yang diperlihatkan dengan sikap kejujuran ini sebenarnya memiliki sekeping hati yang bersih dan tidak melakukan segala perkara dengan niat untuk mendapatkan penghargaan daripada orang lain, (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2018). Oleh hal yang demikian, corak pengurusan organisasi dengan merujuk aspek pemupukan sikap kejujuran dalam perancangan pentadbiran dalam sesebuah organisasi dapat dirumuskan sebagai cerminan segala perlakuan dan tindakan yang ikhlas dalam kalangan manusia, khususnya di dalam sesebuah pengurusan organisasi dengan melakukan tugas-tugas yang telah diamanahkan dan sikap kejujuran ini dapat dinilai oleh orang lain dengan hati yang ikhlas serta mendapat kebaikan secara bersama-sama. Sehubungan itu, corak pengurusan organisasi yang terkandung dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi turut dibuktikan melalui pemupukan sikap kejujuran terhadap perancangan pentadbiran dalam sesebuah organisasi dapat dipaparkan melalui petikan di bawah:

Petikan 3:

Menurut pemimpin MATA iaitu Ustaz Abu Bakar al-Bakir dalam majlis perjumpaan ramai di rumah Persatuan Melayu Johor pada pertengahan tahun lalu, MATA meminta kuasa agama daripada sultan-sultan bukan bererti MATA hendak merampas kuasa agama dari tangan raja-raja. Bahkan MATA memandang tinggi kepada sultan. Sebab itulah mereka minta diserahkan kuasa agama supaya tanggungan sultan dan amanah Tuhan untuk jalankan agama itu tidak kucar-kucir dan diremehkan. Bersungguh-sungguh Hisyam menyampaikannya kepada Ramlah”

(Zaharah Nawawi,1995, 480)

Menerusi kisah cerita ini, penulis memperlihatkan tentang corak pengurusan organisasi melalui aspek pemupukan sikap kejujuran dalam perancangan pentadbiran terhadap sesebuah organisasi. Hal ini, dapat dibuktikan terhadap sikap Hisyam yang telah menjelaskan kepada Ramlah tentang etika menjaga hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam. Oleh itu, Hisham menerangkan struktur pengurusan etika untuk menjaga hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam dengan terperinci kepada Ramlah untuk memastikan mereka dapat memahami intipati dengan sewajarnya agar dapat mematuhi segala perundangan Islam yang telah ditetapkan di dalam enakmen di Tanah Melayu. Lantaran itu, Hisham telah mencadangkan untuk mengadakan persidangan agar dapat mewujudkan hubungan kerjasama di antara pihak

raja-raja Melayu dan MATA. Oleh itu, usaha dan tindakan oleh Hisham ini adalah bertujuan untuk membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan perundangan Islam demi menjaga kebajikan agama Islam agar dapat dilaksanakan dengan sistematik. Sesungguhnya, usaha dan tindakan ini merupakan salah satu perjuangan Hisham untuk memastikan perundangan Islam dapat dilaksanakan dengan sistematik dan dapat melahirkan pengurusan pentadbiran yang telus. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa corak pengurusan organisasi melalui sikap pemupukan sikap kejujuran dalam perancangan pentadbiran dalam sesebuah organisasi memainkan peranan yang sangat penting dalam sesebuah sistem pentadbiran politik agar sesuatu keputusan dapat digapai dengan telus dan tidak berlaku konflik dalam segala aktiviti pengurusan syarikat.

Lanjutan dari itu, sikap kejujuran yang dimiliki oleh manusia merujuk kepada seseorang atau individu yang telah menjalankan tugas-tugas dengan penuh keikhlasan dan menjauhi segala niat yang sebaliknya, (Jumali Selamat, 2001). Selain itu, perlakuan kejujuran turut digambarkan dalam kalangan manusia yang berlandaskan ke arah keikhlasan hati untuk melakukan segala perkara dan dapat mewujudkan suasana tenang dalam setiap aktiviti pekerjaan di tempat kerja. Sesungguhnya, pendapat oleh Jumali Selamat (2001) dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) dapat ditegaskan bahawa corak pengurusan organisasi melalui sikap kejujuran terhadap perancangan pentadbiran dalam sesebuah organisasi melibatkan dan berkaitan dengan segala perlakuan serta tindakan yang dilakukan oleh semua ahli di dalam sesebuah syarikat secara telus demi membentuk amalan yang mulia.

Dalam pada itu, **prinsip ekuiti** yang menekankan kepentingan melayan semua ahli organisasi secara adil dalam Teori Pengurusan Henry Fayol pada tahun (1916) merupakan tunjang yang selari dengan corak pengurusan organisasi bertepatan dengan melalui sikap kejujuran terhadap perancangan pentadbiran dalam sesebuah organisasi. Hal ini, kerana sistem pengurusan politik yang berkesan dapat dibentuk melalui amalan yang telus dalam kalangan semua ahli. Oleh itu, sistem pengurusan organisasi politik berlandaskan kepada sesuatu peluang yang diberikan kepada semua ahli untuk membuktikan tindakan yang berterusan agar dapat melahirkan pekerja-pekerja yang telus dan sebagai usaha demi mencapai kemajuan serta pengiktirafan. Tamsilnya, ahli-ahli dalam sistem politik, khususnya organisasi MATA dibuktikan melalui usaha untuk memberi pertolongan dan perlindungan kepada pihak raja-raja Melayu dalam mengendalikan hal-hal ehwal agama Islam sewajarnya diberikan peluang agar dapat diuruskan dengan baik.

Seterusnya, corak pengurusan organisasi melalui aspek tindakan keberanian dalam menentukan proses pentadbiran terhadap sesebuah organisasi melalui lisan dan bukan lisan. Hal ini, kerana corak pengurusan organisasi melalui aspek **tindakan keberanian dalam menentukan proses pentadbiran** terhadap sesebuah organisasi melalui lisan dan bukan lisan merupakan perkara penting sebagai pemangkin kepada kemajuan sistem pentadbiran. Oleh itu, sikap dan tindakan keberanian merujuk kepada seseorang atau individu dalam menentukan keputusan yang tepat. Menurut Aboebakar Atjeh (1998), manusia yang memiliki sikap dan tindakan yang berani ini sebenarnya mempunyai kesanggupan untuk menghadapi segala cabaran dan rintangan dalam kehidupan.

Di samping itu, manusia yang diperlihatkan dengan sikap yang berani dapat dirungkaikan sebagai sebagai kesungguhan, kecekalan hati dan ketabahan untuk berjuang bermati-matian walaupun menyedari akan risiko yang bakal dihadapi (Norita Ariffin, 2006). Oleh hal yang demikian, pendapat Aboebakar Atjeh (1998) dan Norita Ariffin (2006) telah disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menegaskan bahawa sikap dan tindakan keberanian ini merujuk kepada manusia yang memiliki kesungguhan tanpa ada rasa gusar dan takut untuk menegakkan kebenaran dan menolak kebatilan. Sesungguhnya, sikap dan tindakan keberanian dalam corak pengurusan organisasi ini berlandaskan kepada manusia yang tidak gentar dengan segala cabaran dan berpegang teguh dengan kebenaran.

Rentetan daripada itu, corak pengurusan organisasi berlandaskan aspek tindakan keberanian sebagai menentukan proses pentadbiran terhadap sesebuah organisasi melalui lisan

dan bukan lisan yang terkandung dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Zawawi dapat dibuktikan berdasarkan petikan 4 di bawah:

Petikan 4:

“Dia seorang yang cukup bersemangat dan berani. Dia pandai berpidato. Suaranya lantang memukau pendengar. Ibu percaya kalau dia berkempen, terutama untuk menghadapi pilihan raya, orang ramai akan cepat terpengaruh dengan daiyahnya. Kesalahan apa yang menyebabkan dia masuk dalam penjara ibu? Setahu ibu, Cik Khadijah itu ditahan atas soal politik. Melawan penjajahan Belanda di Indonesia. Kalau begitu, dia memang ahli politik yang berani dan bijak”  
(Zaharah Nawawi,1995, 978)

Penulis menggambarkan tindakan keberanian melalui sikap Cik Khadijah sebagai seorang ahli politik di Tanah Melayu. Hal ini, kerana beliau merupakan seorang Wanita yang lantang bersuara untuk mendapatkan sokongan daripada masyarakat agar meraih kemenangan dalam pilihan raya. Tamsilnya, ketika menghadapi pilihan raya, beliau telah memikul tanggungjawab dengan berani untuk turun padang dengan berjumpa masyarakat agar segala pegangan prinsip hidupnya dapat diterima secara hati terbuka. Dalam konteks ini, jelas telah membuktikan bahawa beliau merupakan seorang wanita yang berani untuk memperjuangkan hak masyarakat agar tidak dijajah oleh penjajah durjana. Sehubungan dengan itu, kenyataan oleh Aboebakar Atjeh (1998) telah menegaskan bahawa keberanian merupakan kecekalan hati seseorang untuk mengharungi sesuatu cabaran tanpa ada rasa gentar dan takut terhadap cabaran tersebut. Oleh itu, kenyataan Aboebakar Atjeh (1998) telah disokong oleh Norita Ariffin (2006) yang memperkatakan bahawa keberanian merupakan tindakan seseorang yang telah mengambil risiko untuk mencapai sesuatu matlamat dan menegakkan kebenaran. Oleh hal yang demikian, corak pengurusan organisasi berlandaskan aspek tindakan keberanian dalam menentukan proses pentadbiran terhadap sesebuah organisasi melalui lisan dan bukan lisan dapat buktikan sebagai manusia yang tidak mengenal erti takut untuk mengharungi cabaran di atas nama kebenaran dan memberi kebaikan.

Dalam pada itu, prinsip autoriti dan tanggungjawab dalam Teori Pengurusan Henry Fayol pada tahun (1916) merupakan tunjang yang selari dengan corak pengurusan organisasi bertepatan dengan melalui tindakan keberanian dalam menentukan proses pentadbiran terhadap sesebuah organisasi melalui lisan dan bukan lisan. Hal ini, kerana prinsip autoriti dan tanggungjawab selari dengan pembuktian untuk memperlihatkan tentang kepimpinan seseorang pejuang dalam bidang politik. Oleh itu, sebagai seorang pejuang dalam bidang politik, mereka mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan organisasi agar memperoleh kebaikan. Namun begitu, kuasa yang dimiliki oleh seseorang pejuang politik tidak boleh disalah guna untuk kebaikan peribadi dan sewajarnya menjaga nama baik untuk hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan pentadbiran politik sahaja. Sebagai contohnya, Cik Khadijah yang dikatakan akan menggantikan tempat seorang ketua untuk memperjuangkan kemenangan partinya. Sesungguhnya, sikap beliauy yang lantang bersuara untuk menengakan kebenaran merupakan agenda penting agar UMNO memperoleh kemenangan pada pilihan raya.

Selain itu juga, novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi turut memperlihatkan tentang corak pengurusan organisasi melalui aspek amalan sikap kerajinan dalam melaksanakan segala sistem pengurusan yang dapat menjamin tahap pekerjaan yang sistematik. Kita sedia maklum bahawa amalan sikap kerajinan merujuk kepada manusia yang sentiasa berusaha secara berterusan tanpa mengenal erti berputus asa untuk mencapai hasrat dengan perjuangan bersungguh-sungguh agar memperoleh sesuatu kejayaan yang membanggakan, (Tajul Ariffin Nordin & Nor'aini Dan, 1992). Oleh itu, kenyataan oleh Tajul Ariffin Nordin & Nor'aini Dan (1992) telah dipersetujui dan disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menegaskan bahawa manusia yang memiliki amalan sikap kerajinan ini berlandaskan dengan melakukan sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh, tekun dan diiringi dengan

kegigihan untuk memperoleh sesuatu kejayaan. Sesungguhnya, aspek amalan sikap kerajinan adalah sangat penting untuk memastikan sesuatu perancangan corak pengurusan organisasi dapat dilaksanakan secara sistematik agar hal-hal yang berkaitan dengan sistem pentadbiran dapat memperoleh kejayaan. Sehubungan itu, corak pengurusan organisasi melalui aspek amalan sikap kerajinan dalam melaksanakan segala sistem pengurusan yang dapat menjamin tahap pekerjaan yang sistematik dapat dibuktikan secara sahih pada petikan 5 di bawah:

Petikan 5

“Saya letih bukan kerana penat berjalan, atau bahang panas musim kemarau. Tetapi...? Mohd Zain menunggui alasan diberikan. Kecewa. Sebab? Pembuka rezeki yang awak hulur awal-awal tadi tidak berkesan. Berapa dapat hari ini? Seringgit. Ramlah mencelah. Ertinya, begitu jauh awak berjalan Cuma dapat mengutip empat puluh sen? Tak mengapalah, seringgit pun duit juga. Mohd Zain tersenyum”

(Zaharah Nawawi,1995, 203)

Penulis menggambarkan corak pengurusan organisasi merujuk kepada aspek amalan sikap kerajinan dalam melaksanakan segala sistem pengurusan yang dapat menjamin tahap pekerjaan secara sistematik oleh watak seorang wanita bernama Ramlah. Hal ini, kerana Ramlah sanggup meminta derma untuk memastikan pengurusan UMNO dapat dilaksanakan dengan sistematik. Tamsilnya, Ramlah tidak pernah berputus asa untuk mencapai matlamatnya demi memperjuangkan UMNO agar mendapat sokongan dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, pihak UMNO telah memberi penghargaan kepada Ramlah atas usahanya yang tidak pernah berputus asa untuk membantu UMNO. Sesungguhnya, kisah ini telah membuktikan kepada khalayak pembaca betapa pentingnya amalan sikap kerajinan seseorang untuk memastikan kelancaran dalam pengurusan organisasi sesebuah pentadbiran agar dapat dicapai dengan sistematik, Tajul Ariffin Nordin & Nor'aini Dan, (1992). Namun demikian, kenyataan oleh Tajul Ariffin Nordin & Nor'aini Dan (1992) telah disokong oleh pendapat Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menegaskan bahawa manusia yang memiliki sikap kerajinan sangat penting untuk menggapai sesuatu matlamat dengan melakukan segala perkara secara bijaksana. Sehubungan itu, aspek amalan sikap kerajinan dalam melaksanakan segala sistem pengurusan yang dapat menjamin tahap pekerjaan secara sistematik bertepatan dengan sikap kerajinan manusia demi melakukan sesuatu pekerjaan secara bersungguh-sungguh agar memperoleh kejayaan.

Dalam pada itu, prinsip kestabilan tempoh kakitangan dalam Teori Pengurusan Henry Fayol pada tahun (1916) merupakan tunjang yang selari dengan corak pengurusan organisasi bertepatan dengan melalui aspek amalan sikap kerajinan dalam melaksanakan segala sistem pengurusan yang dapat menjamin tahap pekerjaan secara sistematik. Hal ini, kerana prinsip ini berpaksikan kepada kepentingan untuk mengekalkan dan menghargai pekerja-pekerja yang tidak pernah mengenal erti putus ada untuk menguruskan segala hal-hal dalam sesebuah organisasi. Oleh itu, dalam bidang pengurusan organisasi politik, khususnya dapat memberi peluang kepada semua individu untuk menunjukkan sikap tidak pernah berputus asa bagi membuktikan kejayaan dalam sistem pentadbiran politik. Sebagai contohnya, sesebuah pertubuhan dalam organisasi politik telah menawarkan promosi atau peluang kepada semua masyarakat untuk mengetuai kempen sebagai langkah penting. Di samping itu, amalan sikap kerajinan yang dimiliki oleh wanita bernama Ramlah telah memperlihatkan sikap luar biasa dengan melaksanakan tanggungjawab sebagai ahli UMNO. Dalam konteks, ini jelas telah membuktikan bahawa prinsip kestabilan tempoh kakitangan dalam pengurusan organisasi sewajarnya dikaitkan dengan kepercayaan, peluang dan penghargaan yang sepatutnya diraikan bersama-sama agar dapat mengekalkan sistem politik secara sistematik.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, penelitian terhadap corak pengurusan organisasi yang terkandung dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi ini terbukti bahawa corak pengurusan organisasi seperti corak pengurusan organisasi melalui kepimpinan ketua atau pemimpin yang bertanggungjawab, semangat pemuafakatan dalam sesebuah organisasi, pemupukan sikap kejujuran dalam perancangan pentadbiran terhadap sesebuah organisasi, tindakan keberanian dalam menentukan proses pentadbiran terhadap sesebuah organisasi melalui lisan dan bukan lisan dan amalan sikap kerajinan dalam melaksanakan segala sistem pengurusan yang dapat menjamin tahap pekerjaan yang sistematik sememangnya diterapkan dan dipupuk novel ini bagi membentuk memberi positif kepada pembaca. Dalam pada itu, corak pengurusan organisasi dalam novel ini boleh menjadi pegangan masyarakat Melayu ini juga disokong dengan kenyataan para tokoh ilmuwan dari pelbagai bidang sekali gus menjadikan akhlak masyarakat Melayu dipandang tinggi kerana mengamalkan corak pengurusan organisasi yang diterapkan. Oleh itu, corak pengurusan organisasi yang terkandung dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi seharusnya dikaji secara berterusan bagi mendapatkan manfaat dan penemuan baharu dalam penyelidikan.

## RUJUKAN

- A. Halim Ali (2018) *Inti Sari Teori Sastera: Barat dan Malaysia*. Shah Alam: NHA Excell Resources.
- A. Halim Ali (2019) *Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalam Kesusasteraan Melayu*. Klang: MZ Edu Publications.
- Aboebakar Atjeh. (1988). *Akhlag dalam Islam*. Edisi Ketiga. Kota Bharu: Pustaka Alam.
- Elvin Marselina & Ridho Rokamah. (2022). Manajemen Produksi Home Industry Keripik Galih Kurnia Usaha Desa Bubakan Kecamatan Tulaka Kabupaten Pacitan. *Journal of Economics and Business Research*. Vol. 2 No. 1, Januari-Juni 2022:105-120.
- Haji Arifin, N. Hazwany. and Noor Muhammad, S. J. (2019) "Pemikiran dalam Novel Siber Kasih Darmia dari Aspek Teori Estetika Bersepadu", *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(4), pp. 46.
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya*. Kertas kerjayang dibentangkan dalam Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka di Riviera Bay Resort, Melaka.
- Hashim Hj. Musa. (2010). Pemerkaasaan dan Integrasi Masyarakat Malaysia melalui Bahasa Melayu. *Prosiding Seminar Antarabangsa Psikolinguistik II: Bahasa Pemikiran dan Integrasi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia. hlm. 268-278.
- Hassan, N. A., Buhari, N. and Abd Aziz, N. N. (2022) "Warisan Budaya Melayu Dalam Novel 'Kasyaf Ain'", *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), pp. 145 - 160.
- Jumali Selamat. (2001). *Nilai-Nilai dalam Pantun Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Kamus Dewan*. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koontz, H., & Wehrich, H. (2010). *Essentials of Management an International Perspective*. New Delhi: Tata Publisher.
- Mohd Khalidi, S. Norashikin. & Yaakob, N. A. . (2018). Bahasa Figuratif sebagai Wahana Penjelasan Unsur Emotif: Figurative Language as a Reflection of Emotive Elements. *Journal of Management and Muamalah* , 8(1), 1- 16.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.

- Mohamad Rosmizi, M., Ghazali, D., & Phaosan. (2020). Keunggulan Kepengarangan Novel- Novel Terpilih Anwar Ridhwan. *Journal of Malay Language, Education and Literature. PENDETA*, 11 (1), 68-87.
- Muhammad Arief Budiman. (2011). *Motif-Motif Pada Tokoh Utama Dalam Novel Loaded Karya Christos Tsiolkas. Jurnal Lensa*. 1 (2), 165-184.
- Muhammad Izzat, F. (2021). *Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel- Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Norita Ariffin. (2006). *Nilai-Nilai Budi Masyarakat Melayu dalam Pantun*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Nur Elisa Natasha Sukhairi (2022) *Penyesuai gunaan Semula Bangunan Rumah Kedai Lama di Jalan Mendaling Kajang, Selangor*. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Nadia, I., & Kamariah, K. (2019). *Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda*. Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. 30, 103- 129.
- Ramli, F. N. A., & Wahid, A. (2019). *Pengurusan identiti bangsa dalam trilogi karya Hamka: Suatu pengenalan. Jurnal Peradaban Melayu*, 14, 35– 48.
- Ramli, F. N. A., Wahid, A., & Ali, A. H. (2021). Pengurusan Identiti Bangsa Dalam Trilogi Karya Hamka. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9(1), 33 - 48. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/141>
- Ramli Isin. (2003). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden : Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti, F. S. (2020). Analisis Semantik Leksikal Dalam Novel Sangkar Karya Samsiah Mohd.Nor. *Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak. Asian People Journal* 3 (1), 45.
- Sara, B. N. (2021). Penenun Cinta: Analisis Sisi Pengkaedahan Melayu. *Prosiding Kolokium Bahasa, Sastera Dan Budaya Melayu*. Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak.
- Shahnon Ahmad 1991. *Sastera Sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Nur Anis Muhammad Apandi, Nordiana Ab Jabar, Sudirman Kiffli, Farrah Atikah Saari, Suraya Sukri & Ainul Wahida Radzuan. (2021). *Nilai Kemanusiaan Dalam Novel Atas Lantai Takdir Karya Fida Rohani*. International Symposium On Cultural Heritage (ISyCH) 2021.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. (1992). *Pendidikan Dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Tengku, I. M. (2021). Novel-Novel Terpilih Azmah Nordin Dari Perspektif Wanita Dalam Ekonomi. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. 9 (2), 24- 34.
- Zaharah Nawawi, (1995) *Anugerah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.